

**RIMBA KOPIAH HITAM**  
Black-capped Babbler

FAMILI: Timaliidae  
NAMA SAINTIFIK: *Pellorneum capistratum*



**CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa agak mudah dikenalpasti iaitu ia mempunyai bahagian atas badan yang berwarna coklat gelap, bahagian bawah badan yang berwarna kemerahan gelap yang sekata, bahagian atas kepala, bahagian belakang kepala dan jalur seakan misai yang berwarna hitam, bahagian kening yang berwarna putih kekelabuan yang pucat dan tekak yang berwarna putih. Bagi burung juvenil, ia menyerupai burung dewasa tetapi hanya bahagian atas kepala yang berwarna hitam dan lusuh, bahagian atas badan yang berwarna lebih kemerah-merahan, bahagian tekak juga kemerahan, dan tidak mempunyai jalur seakan misai.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan spesies ini adalah di antara 17.0 sm-18.5 sm.

**MAKANAN**

Serangga dan lain-lain invertebrata, buah-buahan kecil, biji-bijian dan juga nektar.

**HABITAT**

Hutan dipterokap, hingga ke ketinggian 760 m dari aras laut. Ia biasanya di atas atau berhampiran dengan tanah.

**BUNYI**

Ia mengeluarkan bunyi *teeu* yang kuat dan bernada tinggi (frasa pertama ditekankan) yang diulang selang beberapa saat. Lain-lain bunyi termasuklah *hekhekhekhek*.... dan *yeryery*.... serta bunyi dari rongga hidung yang tinggi *nwit-nwit-nwit*.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini adalah dari bulan April hingga Jun setiap tahun dengan burung betina menghasilkan 2 biji telur di dalam sarang yang berbentuk seakan-akan cawan di atas tanah atau pada anak pokok, palma, dan lain-lain setinggi 60 sm dari aras tanah.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara